

07 NOV 1998

Mahathir-Cyberjaya (Bergambar)/I

MAHATHIR LAWAT CYBERJAYA SEBELUM SIDANG KEMUNCAK APEC

CYBERJAYA, 7 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meluangkan masa daripada jadual ketatnya hari ini untuk melawat Cyberview Lodge di sini bagi memastikan semuanya siap sedia menyambut para pemimpin dunia yang akan menjadikannya tempat perhentian mereka selepas Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) pada 18 Nov.

Perdana Menteri menghabiskan kira-kira satu jam melawat rumah persinggahan itu dan diberi taklimat mengenai persiapan yang dibuat oleh Pengerus Besar Cyberview Lodge Sdn Bhd Maleia Marsden.

Yang turut hadir ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Apec mempunyai 18 anggota -- Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Taiwan, Thailand dan Amerika Syarikat.

Tiga lagi negara anggota -- Rusia, Peru dan Vietnam -- akan menyertai forum itu pada mesyuarat di Kuala Lumpur.

Antara yang dilaporkan telah mengesahkan kehadiran mereka ialah Presiden Amerika Bill Clinton, Perdana Menteri Australia John Howard, Perdana Menteri Thailand Chuan Leekpai, Presiden Indonesia B.J.Habibie, Presiden Filipina Joseph Estrada dan Perdana Menteri Kanada Jean Chretien.

Sidang kemuncak Apec akan bermula dengan mesyuarat tidak rasmi para pegawai kanan pada 12-13 Nov, diikuti mesyuarat tidak rasmi peringkat menteri pada 14-15 Nov. Sidang Kemuncak para pemimpin kerajaan ialah pada 17-18 Nov.

Kesemua mesyuarat itu akan diadakan di hotel Palace of Golden Horses di Sungai Besi.

Cyberview Lodge terletak di tengah-tengah Cyberjaya, kira-kira 40km selatan Kuala Lumpur.

Cyberjaya, komponen teras Koridor Raya Multimedia (MSC), terletak di kawasan seluas 2,800 hektar. Bandar itu yang dibangunkan menggunakan konsep mesra alam terletak lima kilometer di utara Dengkil di jalan menuju ke Puchong.

Bersebelahannya ialah Putrajaya, pusat pentabiran baru kerajaan persekutuan di kawasan seluas 7,000 hektar.

-- BERNAMA

ES RON